

'Tak serik'



SEORANG pelacur lari masuk ke rumah berdekatan ketika nampak kelibat penulis bersama orang kampung.

Pusat seks di kandang babi, reban ayam aktif semula

SEPANG: Sebuah ladang ayam dan babi yang tidak lagi beroperasi di Tanjung Layang dekat Banting di sini, terus digunakan 'ayam hidup' membabitkan wanita warga asing untuk menawarkan perkhidmatan seks.

Kegiatan yang sebelum ini pernah diserbu pihak berkuasa, aktif semula selepas keadaan kembali 'sejuk.'

Tinjauan *Sentral* mendapati ada beberapa bilik yang dibina bersambung dengan bekas reban ayam yang tidak digunakan lagi, lengkap dengan alat pendingin hawa, manakala kelihatan beberapa wanita seksi keluar masuk ke bangunan berkenaan.

Wanita seksi itu dipercayai dari China dan Indonesia berusia

awal 20-an hingga 40-an yang dikatakan datang ke negara ini menggunakan pas lawatan sosial tetapi mencari pendapatan tambahan dengan memberi perkhidmatan seks.

Tinjauan ke kawasan itu juga mendapati ada sebuah khemah yang dijadikan 'cafe' oleh bapa ayam bagi memudahkan kumpulan wanita terbabit menikmati minuman keras sementara menunggu pelanggan.

Kawasan yang diberi jolokan 'Hat Yai Malaysia' oleh penduduk kampung berhampiran berikutan kegiatan pelacuran itu, hanya menawarkan perkhidmatan seks kepada pelanggan 'regular' sebagai langkah waspada daripada dikenali pihak berkuasa.

Wakil *Sentral* yang memasuki kawasan itu dengan ditemani penduduk kampung, mendapati ejen kegiatan itu mengarahkan beberapa wanita melarikan diri

ke kawasan berdekatan kerana bimbang diserbu pihak berkuasa.

Malah, seorang wanita berusia sekitar 40-an, dipercayai ejen kegiatan itu tanpa segan silu menawarkan khidmat seks membabitkan kumpulan wanita kepada wakil *Sentral* dengan bayaran antara RM100 hingga RM150 sekali 'perkhidmatan'.

Dia berkata kawasan ladang itu hanya dijadikan sebagai tempat berkumpul bagi 'ayam' terbabit sebelum memberikan perkhidmatan mereka di beberapa hotel berdekatan kawasan itu bersama pelanggan.

Katanya, pelanggan juga boleh mendapatkan 'perkhidmatan' di bilik khas berhawa dingin itu jika mahu, tetapi saki-baki bau najis ayam dan babi masih ada.

Difahamkan, ada juga pelanggan perkhidmatan di situ warga


asing yang bekerja di ladang babi sekitar sini.

Difahamkan, kegiatan itu sudah beroperasi sejak lama dan hanya pelanggan yang dikenali atau sudah membuat tempahan dibenarkan masuk ke kawasan terbabit.

Penduduk tempatan berkata, kegiatan itu turut wujud di beberapa kawasan lain seperti di Tanjung Sepat, Tumbuk dan Kangcong Laut dan pernah juga diserbu pihak berkuasa.

Seorang penduduk tempatan yang enggan dikenali meminta pihak berkuasa bertindak segera bagi membanteras kegiatan itu.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Banting, Superintendan Mohamad Radzi Ishak ketika dihubungi berkata, pihaknya akan menyiasat dakwaan penduduk itu dan mengambil tindakan lanjut.



LIK berhawa dingin bersambung dengan reban ayam.



PELANGGAN dan wanita minum arak di kafe ladang.